

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 19/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 67

Tajuk : Pelan Pascabayar lengkap perlindungan RM12,000



DARI kiri, Ben, Ahmad Saruji (tiga dari kiri), Abdul Fattah dan Mohd Yusni pada majlis menandatangani perjanjian pelan MUKMIN50 di pejabat ANGKASA, semalam.

Kelana Jaya

Pelan pascabayar lengkap perlindungan RM12,000

Dengan hanya membayar RM50 sebulan, pengguna pelan pascabayar MUKMIN50 bakal mendapat pelan perlindungan sehingga RM12,100.

Pelan eksklusif yang ditawarkan kepada penjawat awam dan kakitangan badan berkanun itu hasil kerjasama redONE Network Sdn Bhd (redONE) dengan MyAngkasa Amanah Berhad dan MyKhairat Management Services Sdn Bhd.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia adalah pelan eksklusif yang pertama kali diperkenalkan di Malaysia.

“Telefon bimbit menjadi keperluan setiap orang. Pasti setiap orang mahukan pelan yang berbaloi di samping penggunaan yang lebih terjamin dan sistematik.

“Pelan ini adalah yang terbaik dan

harus dimiliki setiap orang. Apatah lagi dengan hanya membayar RM50, pengguna turut dapat menikmati Khairat Premium.

“Tawaran ini membolehkan pelanggan mendapat perkhidmatan yang merangkumi pengurusan jenazah secara profesional bernilai RM200, kemalangan diri (RM10,000) dan infaq (RM100) serta khidmat nasihat harta pusaka secara percuma,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sidang media menandatangani perjanjian pelan MUKMIN50 dengan redONE di pejabat ANGKASA, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MyAngkasa Amanah Berhad, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz, Ketua Pegawai Jualan redONE, Ben Teh Beng Hock dan Ketua Pegawai Eksekutif MyKhairat, Mohd Yusni Ismail.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA